

09 SEP, 2022

Bekalan sayur cukup tapi harga tetap naik

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Bekalan sayur cukup tapi harga tetap naik

Nilai ringgit turun, orang tengah antara faktor hasil tani lebih mahal

Oleh Mohd Roji Kawi Izz, Zatul Iffah Zolkipli, Laily Hussein dan Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sayur-sayuran masih banyak dalam pasaran, tetapi harga meningkat berbanding seminggu lalu di beberapa negeri.

Tinjauan di **Johor Bahru** mendapati cili merah kulai, sawi hijau dan kacang buncis antara sayur yang meningkat harganya berbanding minggu lalu.

Bahagian Maklumat Pasaran, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor berkata, harga cili merah kulai semalam ialah RM25.50 sekilogram, berbanding RM24.50 sekilogram pada 1 September lalu.

Sawi hijau pula RM6.50 sekilogram, berbanding RM5.75

minggu lalu.

Kacang buncis naik RM1 dalam tempoh seminggu, iaitu daripada RM10.50 sekilogram minggu lalu kepada RM11.50 semalam.

Bagi harga sekilogram untuk sayur-sayuran lain, FAMA memaklumkan ia kekal dalam tempoh seminggu iaitu RM6.50 bagi kangkung, kacang bendi (RM10.50), kacang panjang (RM9.50), tomat tanah tinggi (RM5.50), bayam hijau (RM6.50), kubis tanah tinggi (RM6.50) dan terung panjang (RM10.50).

Harga tak menentu

Di **Kota Bharu**, harga turun naik sejak tiga minggu lalu dipercayai berpunca daripada penurunan nilai mata wang dan peranan orang tengah.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati harga salad naik mendadak, dijual RM112 untuk 8 kilogram (kg) berbanding RM40 sebelum ini, selain kailan RM25 bagi 4kg berbanding RM8 sebelum ini dan bunga kubis RM12 sekilogram berbanding RM5, sebelum ini.

Peniaga Noriah Adam, 48, berkata, beliau tidak berhadapan kekurangan bekalan, tetapi harga tidak menentu disebabkan orang tengah dan penurunan nilai mata wang negara.



Harja beberapa jenis sayur, termasuk salad dan bunga kubis melonjak di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Faizal menunjukkan cili yang mengalami sedikit kenaikan harga di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Zatul Iffah Zolkipli/BH)

Beli ikut harga ahli

Seorang lagi peniaga, Kamarul Yusoff, 35, berkata, kenaikan harga mungkin berpunca daripada faktor cuaca.

"Sayur yang saya jual diambil daripada pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, selain di Cameron Highlands dan Thailand.

"Kenaikan harga bunga kubis menyebabkan pelanggan tidak puas hati kerana sebelum ini kami jual RM5 sekilogram, tetapi naik kepada RM12 sejak seminggu lalu," katanya.

Di **Kuching**, tiada kenaikan kerana kacang panjang dijual antara RM8 hingga RM10 sekilogram bergantung pasar.

Pasar raya di Sungai Maong menjual sayur itu RM8 sekilogram, manakala pasar basah di Kota Sentosa dan Medan Niaga Satok pula RM10.

Kacang bendi dijual RM10 sekilogram, begitu juga dengan terung, manakala kacang buncis antara RM10 hingga

RM12 sekilogram.

Tinjauan di sebuah pasar raya di Kota Samarahan mendapati harga sayuran lebih tinggi berbanding di Kuching.

Kacang panjang RM11.99 sekilogram, namun jika pengguna memiliki kad ahli pasar raya itu, mereka menikmati harga hanya RM7.99 sekilogram.

Kacang bendi pula dijual RM8.99 sekilogram, manakala bagi pemegang kad ahli menikmati harga istimewa, RM7.99.

Di **Kuala Terengganu**, bekalan mencukupi walaupun keadaan cuaca tidak menentu, manakala harga stabil.

"Antara sayur-sayuran yang menunjukkan kenaikan sedikit ialah cili dan bunga kubis yang kini dijual RM18 dan RM15 sekilogram, berbanding sebelum ini RM16 dan RM12 sekilogram.

Turut menunjukkan kenaikan harga adalah limau kasturi iaitu RM10 sekilogram berbanding RM7 minggu lalu.

Bagaimanapun, timun dan tomat menunjukkan penurunan apabila masing-masing dijual RM5 sekilogram berbanding RM7.

Peniaga Faizal Ali, 42, berkata, kebanyakan sayuran seperti kangkung, kacang panjang dan timun diperolehi daripada peniaga tempatan.



09 SEP, 2022

Bekalan sayur cukup tapi harga tetap naik

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Nilai ringgit turun, orang tengah antara faktor hasil tani lebih mahal

Kuala Lumpur: Sayur-sayuran masih banyak dalam pasaran, tetapi harga meningkat berbanding seminggu lalu di beberapa negeri. Tinjauan di Johor Bahru men dapati cili merah kulai, sawi hijau dan kacang buncis antara sayur yang meningkat harganya berbanding minggu lalu. Bahagian Maklumat Pasaran, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor berkata, harga cili merah kulai semalam ialah RM25.50 sekilogram, berbanding RM24.50 sekilogram pada 1 September lalu.